



KEMENTERIAN KEWANGAN

NOTA KEPADA PENGARANG

TARIKH : 4 SEPTEMBER 2026 (JUMAAT)
TAJUK : MAJLIS PELANCARAN LAPORAN PASARAN HARTA SEPARUH PERTAMA 2026
JABATAN PENILAIAN DAN PERKHIDMATAN HARTA

Tuan Pengarang/Editor/Ketua Biro yang dihormati,

2. Adalah dimaklumkan bahawa Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta (JPPH) akan menganjurkan **Majlis Pelancaran Laporan Pasaran Harta Separuh Pertama Tahun 2026** yang akan dirasmikan oleh **YB Senator Datuk Seri Amir Hamzah Azizan, Menteri Kewangan II**.

3. Sukacitanya pihak kami amat berbesar hati mengundang tuan atau wakil tuan untuk menghadiri dan membuat liputan media di majlis ini yang akan diadakan pada tarikh, masa, dan tempat seperti berikut:-

Tarikh : 10 September 2026 (Khamis)
Masa : 9.30 pagi (Ketibaan para jemputan)
: 10.00 pagi (Majlis bermula)
Perasmi : YB Senator Datuk Seri Amir Hamzah Azizan
Menteri Kewangan II
Tempat : Dewan Jubli, Institut Penilaian Negara (INSPEN)

4. Majlis ini merupakan program tahunan Jabatan bertujuan untuk membuat hebahan berkenaan maklumat data Laporan Pasaran Harta Tahun 2026 yang dikeluarkan oleh Pusat Maklumat Harta Tanah Negara (NAPIC) di bawah JPPH. Ianya akan memberi gambaran mengenai transaksi dan keadaan prestasi pasaran harta tanah tahunan mengikut negeri dan kawasan yang dianalisa secara terperinci.

5. Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta (JPPH) amat menghargai pengesahan kehadiran wakil media melalui pautan [**PENGESAHAN KEHADIRAN**](#) atau **imbas Kod QR selewat-lewatnya pada 8 September 2026 (Selasa), jam 2.00 petang** untuk tujuan penyelarasan. Sila bawa Kad Perakuan Media dan dimohon tiba sebelum majlis berlangsung bagi urusan pendaftaran.

6. Bersama-sama ini disertakan atur cara majlis berkenaan untuk makluman dan rujukan tuan selanjutnya.

Kerjasama tuan dalam menghadiri majlis ini adalah sangat dihargai.

Sekian, terima kasih.

Dikeluarkan oleh

Urus Setia

Majlis Pelancaran Laporan Pasaran Harta Separuh Pertama Tahun 2026
Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta

Sebarang maklumat lanjut, hubungi: **En. Muhammad Hasbullah Hanif Bin Tajuddin**
03-8886 9189 / 011-29263163

ATUR CARA
MAJLIS PELANCARAN LAPORAN PASARAN HARTA SEPARUH PERTAMA TAHUN 2026
JABATAN PENILAIAN DAN PERKHIDMATAN HARTA
KEMENTERIAN KEWANGAN
10 SEPTEMBER 2026 (KHAMIS)
DEWAN JUBLI, INSTITUT PENILAIAN NEGARA (INSPEN)

- 9.30 pagi : Ketibaan Tetamu Jemputan
- 9.45 pagi : Ketibaan Pengurusan Tertinggi
Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta
Kementerian Kewangan
- 9.50 pagi : Ketibaan YBhg. Tan Sri Johan Mahmood Merican
Ketua Setiausaha Perbendaharaan
- 10.00 pagi : Ketibaan YB Senator Datuk Seri Amir Hamzah Azizan
Menteri Kewangan II
- : Nyanyian Lagu Negaraku
- : Bacaan Ikrar Rukun Negara
- : Bacaan Doa
- : Ucapan Aluan oleh
YBhg. Dato' Sr Abdul Razak bin Yusak
Ketua Pengarah Penilaian dan Perkhidmatan Harta
- : Ucapan Perasmian oleh
YB Senator Datuk Seri Amir Hamzah Azizan
Menteri Kewangan II
- : Persembahan Montaj
- 11.00 pagi : Jamuan Makan
- 12.00 t/hari : Bersurai

Sila imbas Kod QR di bawah untuk mengisi kehadiran:

